



**PERMOHONAN JALAN LALUAN DI ATAS TANAH KERAJAAN**

**CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN**

**DOKUMEN – DOKUMEN DIPERLUKAN**

**TATACARA PERMOHONAN**

**TEMPAT MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN**

**SOALAN – SOALAN LAZIM (FAQS)**

# PERMOHONAN JALAN LALUAN DI ATAS TANAH KERAJAAN

## CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN

DIBELI DI KAUNTER  
PEMBAYARAN

ATAU

DIMUAT TURUN SECARA  
PERCUMA



- Harga borang adalah **BND \$1.00 / set**
- Borang boleh dibeli di mana-mana cawangan Pejabat Tanah Daerah:

Daerah	Tempat
Brunei dan Muara	Tingkat 1, Jabatan Tanah
Tutong	Pejabat Tanah Daerah Tutong
Belait	Pejabat Tanah Daerah Belait
Temburong	Pejabat Tanah Daerah Temburong

Borang Mendapatkan Jalan Laluan di atas Tanah Kerajaan

<http://www.tanah.gov.bn/PublishingImages/SitePages/Forms/Borang%20Permohonan%20Mendapatkan%20Jalan%20Laluan%20di%20atas%20Tana h%20Kerajaan.pdf>

**Nota:** Sila pastikan borang yang dicetak adalah berwarna.

# PERMOHONAN JALAN LALUAN DI ATAS TANAH KERAJAAN

## DOKUMEN – DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

BIL	DOKUMEN
1	Borang Permohonan – 1 set
2	Kad Pengenalan (Kad Pintar) pemohon yang belum luput tarikh mansuhnya – 1 salinan
3	Resit Pembayaran Cukai Tahunan terkini bagi kesemua tanah-tanah yang dimiliki pemohon dan isteri / suami – 1 salinan
4	Geran Tanah – 1 salinan
5	<p>Peta RSO berukuran A3 yang terkini (dibeli di Tingkat 2, Jabatan Ukur atau mana-mana cawangan Jabatan Ukur) – 1 salinan</p> <p><b>Perhatian:</b> Kedudukan Jalan Laluan yang dipohonkan hendaklah ditandakan (<i>highlight</i>) pada Peta berkenaan</p>
<p><b>Nota:</b> Jika melibatkan tanah persendirian / tanah LTS ianya adalah atas perbincangan pemohon dengan pemilik/pemegang tanah berkenaan.</p>	
<p><b>PERHATIAN:</b> Sila pastikan dokumen-dokumen yang disertakan adalah terkini dan lengkap. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima oleh Pihak Jabatan Tanah.</p>	

# PERMOHONAN JALAN LALUAN DI ATAS TANAH KERAJAAN

## TATACARA PERMOHONAN

**1**

Mendapatkan borang permohonan samada secara pembelian di kaunter pembayaran Cawangan Pejabat Tanah Daerah atau dimuat turun secara percuma di laman sesawang Jabatan Tanah

**2**

Membeli Peta RSO berukuran A3 di Tingkat 2, Jabatan Ukur Daerah Brunei dan Muara atau di mana-mana cawangan Jabatan Ukur (BND\$5.00 / keping)

**3**

Menyediakan dokumen – dokumen yang diperlukan dengan lengkap

**4**

Menghantar borang dan dokumen – dokumen yang lengkap ke cawangan Pejabat Tanah Daerah mengikut letak tanah berkenaan



# PERMOHONAN JALAN LALUAN DI ATAS TANAH KERAJAAN

TEMPAT MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP


PERMOHONAN DIHANTAR MENGIKUT LETAK TANAH

**Daerah Brunei dan Muara**  
Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara,  
Tingkat 1, Jabatan Tanah

<https://www.google.com/maps/place/Land+Department/@4.925553,114.928171,521m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x0:0xcb340e93130e8bf7!8m2!3d4.9255534!4d114.9281713?hl=en>

**Daerah Tutong**  
Pejabat Tanah Daerah Tutong

<https://www.google.com/maps/@4.807004,114.657951,521m/data=!3m1!1e3?hl=en>



**Daerah Temburong**  
Pejabat Tanah Daerah  
Temburong

<https://www.google.com/maps/place/Bangar/@4.7094455,115.0739496,524m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x3222853cd410242b:0x4be44ab34589e250!8m2!3d4.7127123!4d115.0762536>

**Daerah Belait**

Pejabat Tanah Daerah Belait  
<https://www.google.com/maps/@4.586724,114.191396,261m/data=!3m1!1e3?hl=en>

SOALAN – SOALAN LAZIM (FAQS)

**Soalan:**

Adakah kos pembinaan jalan laluan yang dibenarkan ditanggung oleh pihak Kerajaan?

**Jawapan:**

Tidak. Kos bagi pembinaan jalan laluan yang dibenarkan adalah diatas perbelanjaan pemohon sendiri.

**Soalan:**

Adakah pihak Juruukur berlesen / Peguam yang telah dilantik oleh pemilik tanah berhak untuk mengisikan Borang Permohonan Jalan Laluan bagi pihak pemilik?

**Jawapan:**

Boleh dengan syarat ada surat wakil yang disahkan daripada pemilik tanah.

**Soalan:**

Jika permohonan jalan laluan melebihi daripada satu cadangan adakah perlu untuk menghadapkan permohonan yang berasingan bagi setiap cadangan jalan laluan yang dipohonkan?

**Jawapan:**

Tidak perlu, cukup hanya menghadapkan satu permohonan sahaja dengan menandakan cadangan-cadangan pada peta RSO yang disertakan dengan warna yang berbeza.

**Soalan:**

Jika permohonan jalan laluan sedang dalam proses, pemohon memutuskan untuk menukar cadangan jalan laluan, adakah pemohon perlu mengemukakan permohonan baru secara sepenuhnya?

**Jawapan:**

Pemohon hendaklah membatalkan permohonan yang sedang dalam proses dan perlu menghadapakan permohonan yang baharu.